



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	7/9/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	-			

Tapak projek SSAP bukan berstatus hutan simpan kekal

Shah Alam: Tapak projek pembangunan pertanian bersepadu, Selangor Smart Agro Park (SSAP) yang dikaitkan dengan dakwaan isu pencerobohan merupakan tanah hak milik Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) berstatus tanah pertanian dan bukannya berstatus hutan simpan kekal.

PKPS dalam satu kenyataan, semalam menafikan dakwaan pihaknya mencerooboh dan membuka sebahagian kawasan Hutan Simpan Sungai Panjang di Sabak Bernam yang kononnya dikatakan hutan gantian berikutan penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU).

Penafian itu merujuk kepada laporan beberapa portal berita yang memetik ke-

nyataan media gabungan badan bukan kerajaan (NGO) *The Coalition for the Protection of Selangor's Forests* serta kenyataan Pengarah Global Environmental Centre Faizal Parish dalam satu program temu bual di Awani pada 2 Sept.

"PKPS ingin menegaskan isu nyahwarta HSKLU tiada kaitan langsung dengan pihak PKPS. Kami juga menafikan sekeras-kerasnya tuduhan berkenaan dan menyifatkannya sebagai kenyataan berniat jahat dan subversif bagi merosakkan imej PKPS dan secara tidak langsung ingin mensabotaj inisiatif kerajaan negeri yang sudah dirancang bagi kepentingan rakyat negeri Selangor," katanya.

PKPS menjelaskan tapak



HM, 7 Sept
2021_19

PKPS ingin menegaskan isu nyahwarta HSKLU tiada kaitan langsung dengan pihak PKPS. Kami juga menafikan sekeras-kerasnya tuduhan berkenaan dan menyifatkannya sebagai kenyataan berniat jahat dan subversif bagi merosakkan imej PKPS dan secara tidak langsung ingin mensabotaj inisiatif kerajaan negeri yang sudah dirancang bagi kepentingan rakyat negeri Selangor"

Kenyataan PKPS

Selangor Smart Agro Park yang berstatus pertanian sudah disahkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) menerusi surat Bil (9) dlm. PHN.SEL.100-5/3/60 Jld 3 bertarikh 16 April 2021 serta Pelan Fizikal Negara, Pelan Struktur Negeri dan Pe-

lan Rancangan Tempatan Majlis Daerah Sabak Bernam.

Katanya, PKPS ketika ini juga sedang menyiapkan laporan Penilaian Impak Alam Sekeliling (EIA) dan mematuhi semua saranan dan arahan daripada Jabatan Alam

Sekitar (Jas) Negeri Selangor sebelum memulakan kerja pembangunan di tapak SSAP sepertimana yang diarahkan oleh Jas menerusi surat kelulusan bertarikh 31 Mei.

Menurutnya, menerusi surat yang sama juga, Jas sudah membenarkan PKPS melakukan kerja pembaikan atau *remedy* seperti pembianaan sistem perparitan, kolam takungan, penstabilan tanah, kawalan hakisan tanah dan kelodakan serta kawalan saliran tanah gambut memandangkan kawasan berkenaan sering dilanda bencana banjir serta selalu diceroobohi oleh pihak tidak bertanggungjawab semenjak 2000 lagi.

Oleh demikian, PKPS menjelaskan kenyataan tidak bertanggungjawab yang

dikeluarkan oleh gabungan NGO serta Faizal bersifat mala fide serta mempunyai unsur mengaitkan PKPS dengan agenda tersendiri.

"Pihak terbabit seharusnya terlebih dahulu membuat laporan dan mendapatkan penjelasan daripada PKPS atau kerajaan negeri sebelum membuat tuduhan yang tidak berasas seperti ini," menurut kenyataan itu.

Justeru, bagi memastikan penyebaran berita palsu seperti ini tidak berulang PKPS akan mengambil tindakan undang-undang termasuk tuntutan saman fitnah terhadap pihak terbabit dalam masa terdekat kerana cubaan untuk merosakkan nama baik PKPS dan kerajaan dengan membuat tuduhan yang tidak benar.

